

Laporan Persidangan/*Report on Conferences*

Berikut adalah laporan bagi empat persidangan yang di hadiri oleh pegawai dari Perpustakaan .

Seminar Mendekati Masyarakat Luar Bandar Melalui Perpustakaan, Kuala Lumpur, 1983 suatu tinjauan

oleh
Teoh Paik San*

Abstract: *Three main themes were discussed at this Seminar with the aim to highlight the demanding information needs of the rural community and how such needs could be met.*

These were:

1. *Rural Libraries: services, leadership and prospects;*
2. *Meeting the information needs of the rural community; and*
3. *Planning for Library development in the rural areas.*

Seminar yang dirasmikan oleh Y.B. Datuk Abdul Manan bin Othman, Menteri Pertanian Malaysia pada 25hb Mac 1983, dijalankan selama dua hari di bawah anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia.

Sebanyak dua belas kertaskerja telah dibentangkan dalam seminar ini oleh para pustakawaan, ahli akademik dan wakil-wakil kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri. Kertaskerja-kertaskerja yang dibincangkan adalah berdasarkan kepada tiga tema pokok:

1. Perpustakaan luar bandar: perkhidmatan, pimpinan dan prospek.
2. Memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar.
3. Merancang perkembangan perpustakaan untuk kawasan-kawasan luar bandar.

Walaupun perkembangan perpustakaan telah mencapai tapak yang kukuh di Malaysia, kemajuan yang telah dicapai di kawasan-kawasan luar bandar tidak begitu pesat berbanding dengan kawasan-kawasan bandar. Seminar ini telah memberi penjelasan mengenai kemajuan yang telah dicapai dan peranan yang dimainkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam di semua negeri, Kementerian Pelajaran dan agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS, FELDA, dan FELCRA. Kadar perkem-

bangkan perpustakaan luar bandar berbeza di antara negeri-negeri dan di sekolah-sekolah. Ia bergantung pada dasar dan keutamaan yang diberikan oleh tiap-tiap negeri kepada perkembangan perpustakaan.

Keperluan maklumat masyarakat luar bandar hendaklah dikaji dengan teliti sebelum sebarang langkah dapat diambil untuk memenuhinya. Di kalangan masyarakat luar bandar, keperluan maklumat berbeza di antara satu golongan dengan lain. Umpamanya perkhidmatan maklumat kepada masyarakat tani berbeza dengan maklumat kepada mereka yang masih di bangku sekolah. Keperluan maklumat masyarakat luar bandar dapat dipenuhi melalui kerjasama antara berbagai agensi kerajaan di peringkat pusat dan negeri.

Akhir sekali, perancangan pembangunan perpustakaan yang sesuai untuk kawasan-kawasan luar bandar amat penting, demi untuk memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar sebagai suatu perkhidmatan berlanjutan. Perancangan tidak bererti memberi kemudahan fizikal sahaja, tetapi harus juga termasuk persediaan dan latihan tenaga profesional untuk mengendalikan perpustakaan-perpustakaan tersebut.

Seminar ini bolehlah dianggap sebagai suatu usaha untuk mencelikkan mata kita kepada keperluan maklumat yang kian meningkat di kalangan masyarakat

*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Koleksi Kebangsaan.

luar bandar. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan para pustakawan sendiri. Tugas utama para pustakawan ialah untuk menyampaikan maklumat, dan masyarakat mendapatkan pengetahuannya melalui perantaraan mereka. Sebuah masyarakat yang berpengetahuan merupakan sebuah masyarakat yang berpotensi untuk maju. Dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang berilmu, para pustakawan sebagai suatu golongan ikhtisas boleh menekankan kepentingan pembangunan perpustakaan dan mempengaruhi pihak kerajaan supaya memberikan ketutamaan yang lebih tinggi dalam rancangan pembangunan masyarakat di luar bandar.

Kertaskerja-kertaskerja yang dibentangkan dalam seminar ini ialah seperti berikut:

1. Peranan Perpustakaan Negara Malaysia dalam memajukan perkembangan perpustakaan luar bandar, oleh Mariam Abdul Kadir.
2. Perpustakaan sekolah di kawasan luar bandar di Negeri Perak: prospek dan cabaran, oleh Wong Kim Siong dan K. Rajalingam.
3. Perpustakaan komuniti: satu cara memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar, oleh Ibrahim Haji Narek.
4. Keperluan maklumat masyarakat luar bandar,

oleh Sulaiman Mohd. Yassin, Saodah Wok dan Narimah Ismail.

5. Pembacaan dan literasi di kalangan masyarakat luar bandar, oleh Khadijah Rohani Mohd. Yunus.
6. Kriteria memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar, oleh Hairi Abdullah dan Hood M. Salleh.
7. Memenuhi keperluan maklumat masyarakat luar bandar melalui sistem maklumat perpustakaan, oleh Zawiyah bte Baba.
8. Konsep pembangunan masyarakat luar bandar: fahaman dan pelaksanaan oleh Zawawi Ibrahim.
9. Kepentingan perkembangan perpustakaan dalam konteks perkembangan negara, oleh Nor-minshah Sabirin.
10. Merancang perkembangan perpustakaan di peringkat negeri: perspektif Trengganu, oleh Dato' Wira Jaya.
11. Merancang pendidikan dan latihan tenaga profesional untuk perpustakaan di luar bandar, oleh Katni Kamsono Kibat.
12. Keperluan mengadakan piawaian bagi perkhidmatan perpustakaan luar bandar, oleh Syed Salim Agha.